



# Tatakelakuan Perniagaan

## BERPANDUKAN ETIKA – SETIAP MASA



Pada asasnya, kejayaan kita — kemenangan kita — bergantung pada anda. Dan sebab itulah, kita bersemangat dan yakin tentang masa depan kita — kerana kita tahu bahawa anda juga percaya dalam perkara yang kita cuba capai dan usaha yang diperlukan untuk mencapainya. Jika kita terus dipandu oleh budaya yang sentiasa menjadikan syarikat ini hebat, tiada perkara yang boleh menghalang kita.

# Kandungan

<b>Pengenalan Pengerusi</b>	2
<b>Misi / Visi / Nilai</b>	4
<b>10 Prinsip Etika Kita</b>	5
1. <b>Kita akan mematuhi undang-undang di semua tempat</b>	6
Antisogokan dan Pembayaran Dilarang	
Persaingan Adil dan Amalan Perdagangan	
Kawalan Eksport	
Perdagangan dalam Sekuriti Cummins	
2. <b>Kita akan menerima kepelbagaian perspektif dan latar belakang, serta melayan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat</b>	8
Layanan Satu Sama Lain di Tempat Kerja	
Kepelbagaian dan Peluang Pekerjaan Sama Rata	
Hak Asasi Manusia	
Tatakelakuan Pembekal	
3. <b>Kita akan bersaing secara adil dan jujur</b>	10
Persaingan Adil dan Amalan Perdagangan	
Antisogokan dan Pembayaran Dilarang	
Agen Jualan dan Pengantara Pihak Ketiga	
4. <b>Kita akan mengelakkan konflik kepentingan</b>	12
Konflik Kepentingan dalam Perhubungan	
Perniagaan	
Perjalanan, Hiburan dan Hadiah	
Pekerjaan di Luar	
5. <b>Kita akan memastikan semua yang kita lakukan akan membawa kepada persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat</b>	14
Bahan Larangan	
Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Korporat	
Kesedaran Keselamatan	
Keselamatan Produk	
6. <b>Kita akan melindungi teknologi kita, maklumat kita dan harta intelektual kita</b>	16
Perlindungan Maklumat	
Perlindungan kepentingan Proprietari Cummins	
Pengelasan dan Perlindungan Data	
Pengurusan Dokumen	
7. <b>Kita akan memastikan bahawa rekod kewangan kita adalah tepat dan proses pelaporan kita adalah jelas dan mudah difahami</b>	18
Pelaporan Penipuan	
Perwakilan Autoriti Kewangan	
8. <b>Kita akan berusaha untuk menambah baik komuniti kita</b>	20
Aktiviti Komuniti	
Tanggungjawab Korporat	
9. <b>Kita akan berkomunikasi secara jujur dan berintegriti.</b>	22
Komunikasi dengan Penganalisis dan Pelabur	
Komunikasi Elektronik	
Media Sosial	
10. <b>Kita akan mewujudkan budaya yang semua pekerja akan bertanggungjawab untuk mengamalkan tingkah laku yang beretika</b>	24
Tiada Tindakan Balas	
Cara Melaporkan Kebimbangan	
<b>Mengamalkan Tatakelakuan</b>	26
<b>Soalan Lazim</b>	27
<b>Sumber dan Maklumat Hubungan</b>	28

# Pesanan daripada Pengerusi

Pelanggan, pekerja, pemegang saham dan komuniti telah mengharapkan Cummins untuk melakukan perkara yang betul selama hampir 100 tahun.

Reputasi etika yang kukuh dan kejayaan perniagaan Syarikat kita telah dibina berdasarkan pada tindakan melakukan perkara yang betul dan mengotakata kata-kata kita. Oleh sebab itu, integriti ialah salah satu nilai teras Syarikat kita.

Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk memimpin sebuah syarikat yang mengutamakan nilai syarikat yang bertumpu pada identiti kita dan cara kita beroperasi setiap hari.

Tatakelakuan Perniagaan kita membentuk tulang belakang bagi komitmen kita terhadap kelakuan yang beretika. Dokumen ini bertindak sebagai petunjuk berdasarkan nilai yang membimbing saya, pemimpin kita dan setiap pekerja kita dalam keputusan yang dibuat dan tindakan yang kita ambil setiap hari.



10 Prinsip Etika yang membentuk Tatakelakuan kita menerangkan cara kita harus berkelakuan, cara kita harus melayan orang lain dan cara kita harus menjalankan perniagaan. Dokumen ini juga menyertakan rujukan kepada dasar yang berkaitan, memberikan contoh dan menyertakan soalan dan jawapan untuk membantu kami menjelaskan jangkaan kita. Namun, paling penting sekali, dokumen ini menunjukkan tempat untuk anda mendapatkan bantuan apabila anda mempunyai pertanyaan atau kebimbangan.

Kita beroperasi dalam dunia yang kompleks dan sentiasa berubah-ubah, serta undang-undang dan peraturan baharu yang mempengaruhi kita diperkenalkan hampir setiap hari. Pasukan kepimpinan saya dan saya ingin anda

membangkitkan isu-isu dan membuat pertanyaan apabila terdapat sesuatu yang kelihatan tidak betul atau apabila anda tidak tahu perkara yang harus dilakukan. Di Cummins, anda diberi kuasa dan dijangka untuk melakukan perkara yang betul dan meminta pertolongan apabila anda tidak jelas tentang perkara yang betul.

Tiada sesiapa yang akan mengetahui tindakan yang betul dalam kesemua situasi yang dihadapinya. Kita mempunyai pelbagai cara bagi anda untuk meminta bantuan. Anda boleh berbicara dengan pengurus anda, Sumber Manusia, Etika dan Pematuhan atau Fungsi Perundangan. Anda juga boleh mendapatkan bantuan atau melaporkan kebimbangan di ethics.cummins.com atau dengan menghubungi Talian Bantuan Etika Cummins. Di Amerika Syarikat dan Kanada, anda boleh mencapai Talian Bantuan di 1-800-671-9600. Nombor telefon untuk negara lain tersedia di ethics.cummins.com. Jika anda mahu, anda boleh membuat laporan tanpa mendedahkan nama, setakat yang dibenarkan.

Membuat pertanyaan atau melaporkan kebimbangan ialah perkara yang pasukan kepimpinan dan saya betul-betul mahu anda lakukan. Anda harus tahu bahawa kami akan melindungi anda daripada tindakan balas apabila anda menyuarakan kebimbangan dengan jujur. Budaya etika kita hanya berkesan apabila kita melindungi pekerja kita yang menyuarakan kebimbangan.

Saya juga mahu anda tahu bahawa kami memandang berat terhadap pelanggaran Tatakelakuan. Kita akan bertindak dengan

pantas dan wajar untuk memastikan orang-orang yang melanggar Tatakelakuan memikul tanggungjawab terhadap tindakan mereka.

Berpegang kepada Tatakelakuan kita boleh menjadi satu cabaran. Pegangan ini mungkin bermakna kita akan kehilangan peluang perniagaan atau perlu memaklumkan bakal pelanggan kita bahawa kita tidak boleh berurusan dengan mereka pada kali ini. Sudah pastinya, kita akan perlu bekerjasama dengan pasukan pekerja berbakat yang mempunyai latar belakang serta pandangan yang berbeza. Kita perlu menyelesaikan percanggahan pendapat dengan fikiran yang terbuka dan jujur untuk mendapatkan penyelesaian yang inovatif bagi pelanggan kita.

Pengamalan nilai kita mencerminkan budaya kita dan budaya inilah yang membuatkan pelanggan, pekerja, pemegang saham dan komuniti kita mengenali dan mempercayai kita.

Marilah kita bersama-sama menjaga reputasi Syarikat kita dan janji jenama kita.



**Tom Linebarger**

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Cummins Inc.

# Misi

**Menjadikan kehidupan manusia lebih baik dengan menjana usaha ke arah dunia yang lebih makmur**

# Visi

**Berinovasi untuk meningkatkan keupayaan pelanggan kita untuk berjaya**

# Nilai

## **Integriti**

- Melakukan perkara yang betul dan mengotakan kata-kata anda

## **Kepelbagaian & Keterangkuman**

- Menghargai dan mempertimbangkan perbezaan kita dalam membuat keputusan ialah kelebihan daya saing kita

## **Mengambil Berat**

- Mempamerkan kesedaran dan pertimbangan untuk kesejahteraan orang lain

## **Kecemerlangan**

- Sentiasa menyampaikan hasil yang unggul

## **Kerja Berpasukan**

- Berkolaborasi antara pasukan, fungsi, perniagaan dan sempadan untuk memberikan hasil yang paling baik

# 10 Prinsip Etika Kita

- 1** Kita akan mematuhi undang-undang di semua tempat.
- 2** Kita akan menerima kepelbagaian perspektif dan latar belakang, serta melayan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat.
- 3** Kita akan bersaing secara adil dan jujur.
- 4** Kita akan mengelakkan konflik kepentingan.
- 5** Kita akan memastikan semua yang kita lakukan membawa kepada persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat.
- 6** Kita akan melindungi teknologi kita, maklumat kita dan harta intelektual kita.
- 7** Kita akan memastikan bahawa rekod kewangan kita adalah tepat dan proses pelaporan kita adalah jelas dan mudah difahami.
- 8** Kita akan berusaha untuk menambah baik komuniti kita.
- 9** Kita akan berkomunikasi secara jujur dan berintegriti.
- 10** Kita akan mewujudkan budaya yang semua pekerja akan bertanggungjawab untuk mengamalkan tingkah laku yang beretika.

# Kita akan mematuhi undang-undang di semua tempat.

Cummins merupakan sebuah syarikat global dan oleh itu, kita bekerja dalam persekitaran perundangan yang sangat rumit. Namun, prinsip kita dalam aspek ini adalah jelas:

Kita akan mematuhi undang-undang —  
*di semua tempat.*

Pekerja Cummins kerap kali akan berdepan dengan undang-undang yang mengelirukan ataupun bercanggah. Walaupun kita beroperasi di sebuah negara, kita mungkin tertakluk pada peraturan negara yang lain. Kadangkala, pesaing kita tidak mengamalkan prinsip yang sama dengan kita.

Namun, kesan yang merumitkan akibat daripada pengabaian undang-undang yang kita rasa menyusahkan atau tidak logik boleh menjadi amat buruk, bukan sahaja kepada Cummins tetapi juga terhadap individu. Kehilangan pekerjaan, denda malahan hukuman penjara boleh menjadi akibat daripada pelanggaran undang-undang, tidak kira niat asalnya.

Dalam persekitaran sedemikian, penting bagi kita untuk memanfaatkan sumber yang tersedia melalui Fungsi Perundangan Cummins. Fungsi Perundangan mempunyai tanggung-jawab untuk mengetahui Perundangan yang berkaitan dan menjauhkan anda daripada masalah. Jika anda tidak tahu peguam yang harus dihubungi, hantarkan e-mel kepada [legal.function@cummins.com](mailto:legal.function@cummins.com) berserta pertanyaan anda dan anda akan dihubungi oleh ahli Perundangan yang bersesuaian.

## **Cummins merupakan sebuah syarikat global**

- Lebih separuh daripada pekerja kita menetap di luar Amerika Syarikat.
- Pelanggan dan pembekal Cummins berada di kira-kira 190 buah negara dan kawasan.
- Kita mempunyai ratusan kemudahan CMI di lebih daripada 50 buah negara.



**S** Sesetengah undang-undang di negara saya menyukarkan saya untuk memperoleh semua peluang perniagaan yang ada. Saya tidak percaya pesaing kita mengamalkan prinsip yang sama. Jika mereka tidak mengamalkan prinsip yang betul, mengapakah kita perlu berbuat demikian?

**J** Tatakelakuan kita dan nilai kita tidak dipengaruhi oleh tindakan pihak lain. Kita mesti sentiasa mematuhi undang-undang dan Tatakelakuan kita, walaupun ia akan menyebabkan kehilangan peluang perniagaan.

**S** Melalui pekerjaan saya, saya telah mengetahui bahawa keputusan kewangan Cummins adalah kukuh pada suku ini dan jualan akan melebihi jangkaan kita. Bolehkah saya memberitahu adik saya untuk membeli saham Cummins sebelum keputusan pendapatan kita diumumkan kepada orang awam?

**J** Tidak, tindakan menggunakan maklumat dalaman untuk memanfaatkan diri anda atau orang lain menyalahi undang-undang dan sama sekali bukan tindakan yang betul. Anda akan mendedahkan Syarikat dan diri anda kepada risiko liabiliti atau pendakwaan jenayah.

**S** Saya mendapati bahawa perniagaan baru pelanggan juga merangkumi jualan ke negara yang dilarang. Adakah saya perlu risau?

**J** Ya. Pelencongan produk Cummins ke negara yang dikenakan sekat boleh mengakibatkan kemungkinan dikenakan hukuman yang serius dan boleh menghadkan keupayaan kita untuk memberikan waranti atau perkhidmatan lain. Anda harus menghubungi Fungsi Perundangan untuk mendapatkan panduan.

### **Menjalankan perniagaan melalui usaha sama**

- Cummins mempunyai usaha sama di seluruh dunia yang melibatkan kerjasama dengan syarikat yang berkongsi nilai kita.
- Jika Cummins tidak mengawal atau mengurus entiti usaha sama ini, kita akan mengambil langkah untuk memastikan entiti ini mematuhi undang-undang dan mengamalkan Tatakelakuan yang sejajar dengan Tatakelakuan kita.
- Pekerja Cummins kerap berkhidmat dalam lembaga entiti ini atau mungkin ditugaskan untuk bekerja di usaha sama ini.
- Semua pekerja Cummins mesti memastikan bahawa semua entiti kita, termasuk usaha sama, mematuhi undang-undang dan komitmen kita terhadap kelakuan yang beretika.

---

#### **Dasar Tersirat Penting**

Dasar Kawalan Eksport: CORP 00-04-00-00  
Dasar Antirasuah dan Pembayaran Larangan: CORP 00-04-01-00  
Dasar Persaingan Adil dan Amalan Perdagangan: CORP-00-11-01-00  
Dasar Perdagangan Sekuriti Cummins: CORP-00-11-00-00

# Kita akan menerima kepelbagaian perspektif dan latar belakang, serta melayan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat.

Di Cummins, kita berusaha untuk menjadi inklusif dan memastikan kakitangan dan pemegang saham lain sering dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah. Kita menjadi lebih kukuh disebabkan oleh kepelbagaian pekerja kita. Sebagai sebuah syarikat global, kita memerlukan persekitaran kerja yang mengalu-alukan dan membenarkan pekerja mempamerkan bakat unik dan perspektif yang pelbagai agar idea dan inovasi boleh berkembang.

Kita melarang diskriminasi, gangguan dan tindakan balas dengan tegas serta berusaha untuk menyediakan kesamaan peluang dan layanan adil kepada semua. Cummins melarang diskriminasi atau gangguan terhadap individu berdasarkan bangsa, warna, agama, jantina, identiti dan/atau ekspresi jantina, asal-usul negara, kecacatan, gabungan kesatuan, orientasi seksual, umur, status veteran, kewarganegaraan atau status lain yang

dilindungi oleh undang-undang berkaitan.

Kita menyokong hak asasi di seluruh dunia dan akan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dalam layanan pekerja kita dan pemegang saham yang lain. Kita tidak akan bertolak ansur dengan penggunaan buruh kanak-kanak dan buruh paksa di mana-mana jua. Kita juga tidak akan berurus dengan mana-mana syarikat yang berbuat demikian. Kita menghormati kebebasan berpersatuan pekerja, hak untuk berunding secara kolektif dan semua hak tempat kerja yang lain.

Komitmen kita untuk memberikan layanan adil dan hak asasi manusia juga meliputi usaha sama, pembekal dan rakan kongsi kita yang lain. Kita akan menegaskan pembekal dan rakan kongsi kita untuk melayan pemegang saham mereka dengan cara yang konsisten dengan nilai kita menerusi Tatakelakuan Pembekal kita.

## **Komitmen kita terhadap tempat kerja yang bebas daripada gangguan**


Dasar Layanan Satu Sama Lain di Tempat Kerja kita secara tegasnya melarang semua bentuk diskriminasi dan gangguan, termasuk gangguan seksual. Kita memastikan semua pekerja bertanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran kerja yang profesional dan yang melindungi semua wanita dan lelaki

daripada tingkah laku yang tidak sewajarnya. Sekiranya mana-mana pekerja menemui tingkah laku yang mungkin melanggar dasar kita, kita menggalakkan mereka untuk melaporkan kebimbangan mereka dan kita akan melindungi mereka daripada apa-apa tindakan balas kerana berbuat

demikian. Mana-mana pekerja yang terlibat dalam tingkah laku yang mengganggu akan tertakluk pada tindakan disiplin yang keras sehingga dan termasuk pemecatan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk dasar Layanan Satu Sama Lain di Tempat Kerja kita atau hubungi pengurus Sumber Manusia anda.

**“** Perwatakan, keupayaan dan kecerdasan tidak tertumpu pada satu jantina berbanding jantina lagi satu. Faktor ini juga tidak tertumpu pada individu dengan aksen atau bangsa tertentu mahupun dalam individu yang memegang ijazah daripada universiti tertentu. Apabila kita diselubungi prasangka yang tidak rasional sedemikian, kita terutamanya merosakkan diri sendiri dan akhirnya pasti menemui kegagalan dalam persaingan dengan orang yang bersikap lebih terbuka dan tidak berat sebelah.”

J. Irwin Miller (1909–2004)  
Bekas CEO, Cummins Inc.



**S** Saya berpendapat bahawa penyelia saya bersifat diskriminasi terhadap beberapa ahli organisasi kita tetapi saya bimbang saya akan kehilangan pekerjaan jika saya bersuara. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Cummins tidak akan bertolak ansur terhadap diskriminasi dan menggalakkan pekerjaan untuk menyuarakan keimbangan mereka. Anda mempunyai pelbagai cara untuk menyuarakan keimbangan anda. Jika anda berasa tidak selesa untuk menyuarakan keimbangan anda kepada penyelia anda, anda juga boleh menghubungi Sumber Manusia atau taipkan [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com) di pelayar Web anda untuk mendapatkan maklumat tentang cara menyuarakan aduan anda kepada Talian Bantuan Etika sama ada melalui telefon atau dalam talian.

Anda mempunyai pilihan untuk tidak mendedahkan nama setakat yang dibenarkan undang-undang.

**Cummins tidak akan bertoleransi terhadap tindakan balas dan tiada tindakan akan dikenakan kepada anda kerana anda melaporkan keimbangan dengan jujur.**

**S** Saya terdengar satu dakwaan bahawa salah satu pembekal utama kita telah melanggar undang-undang buruh di dalam negaranya. Adakah ini sesuatu yang harus disiasat oleh Cummins?

**J** Ya. Cummins mempunyai Tatakelakuan Pembekal yang menetapkan jangkaan kita terhadap para pembekal. Anda harus melaporkan maklumat tersebut kepada ketua perniagaan anda, Jabatan Pembelian atau Talian Bantuan Etika di [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com) agar Cummins boleh menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

#### Dasar Tersirat Penting

Dasar Layanan Satu Sama Lain di Tempat Kerja: CORP-00-05-01-00  
Dasar Peluang Pekerjaan Sama Rata dan Tindakan Afirmatif: CORP-00-05-04-00

Dasar Hak Asasi Manusia: CORP-00-11-11-00  
Tatakelakuan Pembekal

# Kita akan bersaing secara adil dan jujur.

Matlamat kita dalam pasaran global adalah untuk mendapatkan perniagaan dan memberikan nilai kepada pemegang saham kita. Kita bersaing secara agresif tetapi sentiasa bertindak mengikut peraturan. Sama ada berurusan dengan pesaing, pembekal, kerajaan atau rakan kongsi perniagaan, mandatnya adalah sama: Kita bersaing secara adil dan jujur.

Pekerja kita tidak harus meneruskan usaha mendapatkan perniagaan yang mereka tidak harap tersiar pada muka hadapan akhbar atau

membuat penjelasan kepada pengurusan kanan kita. Begitu juga, kita mesti bertanggungjawab terhadap tindakan pihak ketiga yang beroperasi bagi pihak kita dan mesti meneruskan usaha untuk memastikan mereka mempunyai standard yang sama seperti pekerja kita.

Tiada pengecualian terhadap komitmen kita untuk bersaing secara adil dan jujur pada setiap masa walaupun kita beroperasi di banyak tempat yang berbeza budaya dan sistem perundangan yang berbeza.

## Garis panduan persaingan

- Kita memperoleh perniagaan kerana produk, perkhidmatan dan pekerja kita adalah yang terbaik.
- Kita tidak menggunakan maklumat rahsia pihak lain untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar.
- Kita tidak mengelirukan orang lain atau menjaskan integriti kita untuk mendapat kelebihan.
- Kita tidak akan menawarkan sogokan kepada sesiapa untuk apa-apa juga alasan.



**S** Seseorang telah menghantar salinan helaian penentuan harga dalaman sulit pesaing terbesar kita kepada saya. Ini amat berguna kepada kita. Bolehkah saya menggunakan maklumat ini?

**J** Tidak. Jika maklumat tersebut adalah sulit, tindakan ini adalah tidak beretika dan boleh mendedahkan anda dan Syarikat kepada risiko di bawah antitrust atau undang-undang persaingan adil. Hubungi Fungsi Perundangan Cummins dengan segera supaya maklumat ini boleh dimusnahkan atau dikembalikan kepada pemiliknya.

**S** Di rantau saya, pemberian hadiah mahal kepada pelanggan kita, termasuk pegawai kerajaan, untuk membantu mengekalkan hubungan yang baik merupakan suatu kelaziman. Jika tindakan ini perlu untuk menjalankan perniagaan, bukankah kita harus lakukannya?

**J** Tidak. Kita tidak akan membuat pembayaran yang tidak wajar dalam apa-apa jua bentuk untuk mempengaruhi pelanggan, pembekal atau rakan kongsi kita. Bentuk pembayaran sedemikian — yang termasuk hadiah — mungkin mendedahkan anda dan Cummins kepada hukuman yang berat, dakwaan jenayah dan kehilangan perniagaan. Sebelum memberikan atau meluluskan apa-apa hadiah atau ganjaran, sila rujuk dasar Cummins yang berkaitan atau hubungi Fungsi Etika dan Pematuhan atau Fungsi Perundangan Cummins.

**S** Di rantau saya, kita sering mengupah pihak ketiga untuk menjual produk kita atau berinteraksi dengan kerajaan bagi pihak kita. Adakah ini mendedahkan Cummins kepada risiko?

**J** Ya. Jika pihak ketiga kita seperti ejen jualan atau wakil penjual terlibat dalam kelakuan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang, Cummins mungkin perlu bertanggungjawab dari segi undang-undang dan kewangan. Kita mesti sentiasa memastikan pihak ketiga diselidiki sebelum kita mengupah mereka, memaklumkan mereka tentang jangkaan etika dan undang-undang kita, serta memastikan kita mengikat kontrak yang menggariskan jangkaan kita dengan mereka. Untuk maklumat lanjut, sila hantar e-mel kepada [ethicsandcompliance@cummins.com](mailto:ethicsandcompliance@cummins.com).

## Peraturan pelepasan

- Sebahagian daripada persaingan secara adil dan jujur dalam pasaran merangkumi mematuhi peraturan pelepasan di seluruh dunia. Tidak kira cara yang digunakan oleh syarikat lain - kita akan sentiasa mematuhi undang-undang dan melakukan perkara yang betul.
- Cummins melarang kedua-dua penggunaan peranti penolakan dan mengusik peranti atau teknologi kawalan pelepasan pada produk kita untuk memintas peraturan pelepasan. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Dasar Pelepasan Luar Kitaran Global Cummins dan Dasar Pengubahsuaian Enjin Global Cummins.

---

### Dasar Tersirat Penting

Dasar Persaingan Adil dan Amalan Perdagangan: CORP-00-11-01-00

Dasar Antirasuah dan Pembayaran Larangan: CORP 00-04-01-00

Dasar Ejen Jualan dan Pengantara Pihak Ketiga: CORP-11-15-00-00

Dasar Konflik Kepentingan dalam Perhubungan Perniagaan: CORP-00-11-04-00

Dasar Pelepasan Luar Kitaran Global: CORP-20-02-11-01

Dasar Pengubahsuaian Enjin Global: CORP-24-0105-000

# Kita akan mengelakkan konflik kepentingan.

Kadangkala, akan berlaku situasi apabila pekerja mempunyai kepentingan peribadi yang mungkin bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Sebagai pekerja, kita mesti memberikan tumpuan kepada perkara yang terbaik untuk pemegang saham kita dan menangani konflik yang mungkin terjadi agar kepentingan peribadi kita tidak mengganggu urusan perniagaan kita.

Pekerja tidak boleh mempunyai perhubungan tidak sewajarnya dengan pembekal atau pihak ketiga lain dan mesti sentiasa berwaspada dalam memastikan perhubungan peribadi atau keluarga dan pelaburan tidak mewujudkan apa-apa konflik kepentingan walaupun secara gambaran

sahaja. Pekerja juga tidak boleh menerima pertolongan, hadiah atau ganjaran lain daripada pembekal atau pengguna sebagai pertukaran untuk mendapatkan perniagaan atau layanan istimewa yang lain. Sentiasa menghubungi Fungsi Perundungan atau Fungsi Etika dan Pematuhan jika anda mempunyai pertanyaan tentang apa-apa konflik kepentingan yang mungkin berlaku.

**Pada 2018, Cummins dinamakan sebagai salah sebuah Syarikat Paling Beretika di Dunia oleh Ethisphere Institute. Institusi ini menilai komitmen syarikat terhadap kepimpinan beretika, amalan pematuhan dan tanggungjawab korporat. Ini merupakan tahun ke-11 berturut-turut Cummins menerima penghargaan ini.**



## **Hubungan peribadi di tempat kerja**

- Kadangkala, hubungan peribadi antara pekerja boleh mengakibatkan masalah atau persepsi berat sebelah dan layanan tidak adil seperti apabila pekerja mula berdating atau apabila ahli keluarga bekerja di organisasi yang sama dengan ahli keluarga yang lain.
- Dasar Layanan Satu Sama Lain di Tempat Kerja memberikan panduan yang jelas mengenai jenis perhubungan yang mesti didedahkan dan cara syarikat akan menangginya. Untuk membaca dasar ini, pergi ke halaman Etika dan Pematuhan di Cummins Connect dan klik pada butang untuk *Dasar Pematuhan*.

**S** Adik saya ialah pemilik bersama perniagaan yang sedang membida untuk menjadi pembekal Cummins. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Anda harus mendedahkan hubungan ini dengan serta-merta kepada penyelia dan orang yang bertanggungjawab dalam proses pembidaan. Jika syarikat adik anda membida untuk mendapatkan perniagaan, anda tidak harus memainkan apa-apa peranan dalam pemilihan pembekal.

**S** Saya pekerja baharu Cummins dan saya memiliki sebuah syarikat perundingan yang telah ditubuhkan selama beberapa tahun. Adakah saya perlu memberitahu sesiapa di Cummins mengenai perkara ini?

**J** Ya, kita mempunyai dasar untuk memastikan bahawa apa-apa pekerjaan luaran tidak akan mengakibatkan konflik dengan tugas anda di Cummins. Sila hubungi penyelia anda atau Sumber Manusia untuk mengetahui maklumat lanjut. Anda boleh mendapatkan "Dasar Pekerjaan Luaran bagi Pekerja Profesional Cummins" dengan melawat ke halaman Etika dan Pematuhan di Cummins Connect dan mengklik butang untuk "Dasar Pematuhan."

---

### **Dasar Tersirat Penting**

Dasar Konflik Kepentingan dalam Perhubungan Perniagaan: CORP-00-11-04-00

Dasar Perjalanan Global dan Hiburan: CORP-05-11-00-00

Dasar Pekerjaan Luaran bagi Pekerja Profesional Cummins: CORP-00-05-02-00

Dasar Pembelian: CORP-00-02-00-00



# Kita akan memastikan semua yang kita lakukan akan membawa kepada persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat.

Apabila pengaruh global kita berkembang, tanggungjawab untuk memastikan tindakan kita di seluruh dunia mencerminkan komitmen terhadap persekitaran dan keselamatan serta kesejahteraan pekerja kita turut bertambah. Untuk memenuhi komitmen itu:

- Kita akan memastikan pekerja Cummins di seluruh dunia mempunyai tempat kerja yang bersih dan selamat.
- Kita akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan keselamatan. Malahan, Syarikat telah menetapkan prosedur dan standard global bersama yang kerap kali menjangkau peraturan.
- Kita akan menangani peluang persekitaran terbesar kita dan pada masa yang sama, telus dalam usaha mengurangkan jejak karbon kita serta mengurangkan penggunaan sumber semula jadi.
- Kita akan meminimumkan impak persekitaran terhadap komuniti kita melalui pengurusan air, sisa dan tenaga yang komprehensif serta membendung pencemaran dari pada kemudahan dan operasi kita.
- Kita akan menggunakan keupayaan teknikal kita untuk mereka bentuk dan menghasilkan produk yang selamat, bersih dan berkesan serta membekalkannya kepada pasaran.
- Kita akan terus berhubung dengan pemegang saham awam dan kerajaan untuk memastikan undang-undang dan peraturan persekitaran yang jelas, tegas dan boleh dikuatkuasakan.

## Keselamatan produk dan bahan larangan

Keselamatan produk merupakan perkara paling utama di Cummins dan kritikal untuk kejayaan kita. Untuk maklumat lanjut, sila baca Dasar Keselamatan Produk Korporat.

Sesetengah bahan seperti asbestos, kadmium dan merkuri tidak boleh digunakan sama

sekali dalam produk Cummins. Peraturan ini dikenakan kepada semua entiti dan semua pembekal langsung atau tidak langsung Cummins di seluruh dunia. Untuk maklumat lanjut termasuk senarai bahan yang dilarang, sila lihat Dasar Bahan Larangan.

**S** Saya bekerja di kemudahan pengilangan Cummins. Apakah yang boleh saya lakukan untuk menyumbang kepada matlamat persekitaran Syarikat?

**J** Semua orang boleh membantu Cummins mengurangkan impak persekitaran dengan memulihara sumber seperti air dan elektrik setakat yang mampu serta menghapuskan dan mengurangkan sisa. Contohnya, beberapa kemudahan pengilangan telah menetapkan matlamat untuk tidak menghantar sisa ke kambus tanah.

**S** Bagaimanakah Cummins bertindak untuk meningkatkan keselamatan di kemudahannya?

**J** Semua pekerja mesti bekerjasama untuk memastikan semua orang mempunyai tempat kerja yang sihat dan selamat: Pemimpin mesti meletakkan organisasi pada standard kesihatan dan keselamatan tempat kerja tertinggi dengan menetapkan suatu persekitaran tempat kerja

yang para pekerja saling mengawasi keselamatan mereka berpandukan tema "Kehidupan Bebas Kecederaan dan Penyakit - Tanggungjawab Kita."

Semua orang mesti mematuhi amalan tempat kerja yang selamat dan mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat pada setiap masa.

**S** Baru-baru ini saya telah memerhatikan satu kegagalan semasa pengujian produk baharu dalam pembangunan. Apakah yang boleh saya lakukan jika saya khuatir ini mungkin merupakan isu keselamatan produk?

**J** Bincang dengan pengurus anda atau Ketua Keselamatan Produk Unit Perniagaan anda. Mereka boleh memastikan proses yang betul dituruti untuk menilai isu yang berpotensi. Jika anda berpendapat isu keselamatan produk tidak ditangani, anda juga boleh menghubungi Fungsi Perundungan atau melaporkan kebimbangan anda di [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com).

**Dasar Tersirat Penting**

Dasar Bahan Larangan: CORP-00-08-01-00  
Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Korporat: CORP-00-08-00-00  
Dasar Kesedaran Keselamatan: CORP-25-00-02-00  
Dasar Keselamatan Produk Korporat: CORP-00-07-08-00



# Kita akan melindungi teknologi kita, maklumat kita dan harta intelektual kita.

Teknologi dan pengetahuan kita memberi Cummins kelebihan dalam persaingan. Kita mestilah mengekalkan kelebihan ini dengan melindungi maklumat proprietari dan memaksimumkan nilainya terhadap pemegang saham kita. Semua pekerja Cummins bertanggung-jawab untuk melindungi maklumat sulit dan aset intelektual Syarikat dengan mematuhi Dasar Pengelasan dan Perlindungan Data.

Kita memantau sistem maklumat kita dan pekerja tidak sepatutnya mengakses maklumat syarikat melebihi skop tugas kerja mereka. Maklumat sulit tidak seharusnya disimpan dalam lokasi bukan Cummins seperti pelayan e-mel peribadi atau peranti elektronik peribadi pekerja tanpa kelulusan yang sewajarnya.

Kita mesti menggunakan maklumat, inovasi dan sumber kita dengan bijak dan memanfaatkan semua pemegang saham kita. Komputer kita dan sumber lain kita harus digunakan untuk urusan Syarikat dan kita mesti mematuhi semua peraturan mengenai penggunaannya yang betul.

Kita juga mesti memastikan dokumen syarikat dikendalikan secara betul atau dilupuskan mengikut dasar pengurusan dokumen kita. Dokumen berkaitan litigasi yang sedang berlangsung atau penyiasatan kerajaan tidak boleh dimusnahkan.

---

#### Dasar Tersirat Penting

Dasar Perlindungan Maklumat: CORP-10-01-00-00

Dasar Perlindungan Kepentingan Proprietari Cummins: CORP-01-02-00-00

Dasar Pengelasan dan Perlindungan Data: CORP-00-24-00-00

Dasar Penggunaan Sumber Perniagaan Milik Syarikat: CORP-10-01-06-00

Dasar Program Pengurusan Dokumen: CORP-07-11-01-00

Dasar Privasi Data: CORP-11-11-00-00



Cummins mengupah tenaga kerja dalam bidang teknologi tinggi. Hampir suku daripada pekerja Syarikat mempunyai ijazah dalam kejuruteraan, teknologi maklumat atau bidang berkaitan sains.

**S** Bagaimanakah saya boleh membantu Syarikat melindungi idea dan maklumatnya?

**J** Terdapat banyak cara anda boleh membantu. Contohnya, kendalikan apa-apa rekod atau maklumat sulit dengan penuh berhati-hati. Jangan biarkan peranti elektronik Syarikat tanpa pengawasan untuk apa-apa tempoh masa, terutamanya di dalam kenderaan atau semasa dalam perjalanan. Elakkan daripada membincangkan maklumat Sulit Terhad dan Sulit di kawasan awam.

**S** Apakah yang harus saya lakukan jika saya terlihat iklan untuk Cummins atau produk tiruan Syarikat?

**J** Selain daripada kesan terhadap perniagaan, aktiviti ini boleh menimbulkan isu keselamatan pelanggan dan perlindungan persekitaran yang serius. Hubungi Fungsi Perundungan untuk melaporkan apa-apa penyalahgunaan nama, logo atau jenama Cummins atau produk yang disyaki tiruan.

Cummins komited untuk melindungi privasi dan data pekerja dan pelanggan kita. Kita harus memastikan pengumpulan atau pemindahan data peribadi mematuhi undang-undang tempatan, Dasar Privasi Data kita dan keperluan keselamatan Syarikat. Selain itu, kita harus memastikan vendor kita berpegang pada standard yang sama apabila mereka mengendalikan data peribadi pekerja dan pelanggan kita.

# Kita akan memastikan bahawa rekod kewangan kita adalah tepat dan proses pelaporan kita adalah jelas dan mudah difahami.

Cummins komited terhadap ketelusan dalam laporan kewangannya. Kita bekerjasama sepenuhnya dengan juruaudit kita dan tidak akan menyembunyikan apa-apa maklumat daripada mereka dalam apa-apa juga situasi. Kita mengekalkan sistem kawalan dan proses kewangan yang teguh untuk memastikan ketepatan dan kekinian pelaporan kewangan kita.

Ketepatan laporan kewangan kita adalah penting untuk kredibiliti kita. Kita tidak akan bertolak ansur dengan entri atau pernyataan penipuan, palsu atau mengelirukan dalam laporan kewangan kita atau dalam apa-apa laporan atau rekod Syarikat yang lain. Semua pekerja kita mesti berusaha untuk ketepatan dan ketelusan sepenuhnya dalam semua rekod Syarikat.

## Mengesan dan menghapuskan penipuan

Kita harus memberikan tumpuan dalam memastikan kita tidak menjadi mangsa penipuan, sama ada daripada pekerja atau orang luar. Beberapa skema penipuan lazim termasuk:

- Penggunaan kad kredit syarikat untuk tujuan peribadi
- Pelaporan perbelanjaan yang tidak betul
- Entri kewangan palsu atau pengolahan pelaporan kewangan
- Pengolahan rekod senarai gaji
- Penyalahgunaan akaun yang perlu dibayar
- Penyalahgunaan pelaporan masa
- Penyalahgunaan ejen pihak ketiga
- Penyalahgunaan pesanan pembelian

**S** Apakah yang harus saya lakukan jika saya mengesyaki penipuan berlaku di tempat kerja?

**J** Jika anda mendapati berlakunya tindakan yang mungkin dianggap sebagai penipuan, anda harus melaporkan kebimbangan anda dengan segera kepada salah seorang berikut:

- Penyelia anda
- Ketua perniagaan anda
- Sumber Manusia
- Audit Dalaman
- Salah seorang ahli Fungsi Perundangan Cummins

Jika anda mahu, anda boleh melaporkan kebimbangan anda menggunakan Talian Bantuan Etika. Anda boleh mendapatkan arahan dengan menaip [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com) di pelayar Internet anda. Setakat yang dibenarkan undang-undang, anda boleh melaporkan kebimbangan anda tanpa memberitahu nama anda.

**S** Saya telah menerima beberapa invois bernilai tinggi untuk pembayaran yang perlu dijelaskan kepada pembekal kita. Jika saya merekodkannya sebagai perbelanjaan sekarang, prestasi kewangan kita akan terjejas. Bolehkah saya merekodkannya secara tepat pada penghujung suku?

**J** Tidak. Kegagalan untuk merekodkan perbelanjaan akan mengurangkan perbelanjaan tempoh semasa dan menyebabkan pendapatan yang terlebih catat. Tindakan ini boleh menyebabkan kesan penting dan penipuan pada tempoh laporan kewangan semasa. Ini bertentangan dengan dasar Syarikat dan undang-undang.

**S** Pada hujung tahun, pelanggan utama saya meminta saya untuk mengubah tarikh invois supaya dokumen menunjukkan produk dihantar lebih lewat daripada tarikh sebenar. Tindakan ini tidak akan menjelaskan pelaporan kewangan Cummins, adakah kita boleh menunaikan permintaan pelanggan ini?

**J** Tidak. Walaupun Cummins merekodkan transaksi dengan pelanggan secara betul, pengubahsuaian dokumen mestilah disertakan dengan alasan perniagaan yang sah. Jika anda tidak pasti tentang tujuan pelanggan atau pembekal membuat permintaan ini, bincangkan permintaan itu dengan penyelia anda, pemimpin perniagaan anda, Fungsi Perundangan Cummins atau Audit Dalaman.

# Kita akan berusaha untuk menambah baik komuniti kita.

Komitmen Cummins terhadap tanggungjawab korporat merangkumi berkhidmat dan meningkatkan kualiti komuniti di tempat tinggal kita. Tanggungjawab korporat tidak hanya bermakna membuat keputusan perniagaan yang beretika, tetapi juga berhubung dengan komuniti kita dan melibatkan tenaga kerja kita untuk menyelesaikan masalah komuniti secara afirmatif.

Keterlibatan ialah asas tanggungjawab terhadap komuniti kita — pekerja di seluruh dunia menggunakan kemahiran mereka untuk menjadikan komuniti mereka tempat yang lebih baik untuk hidup dan bekerja.

Cummins menumpukan keterlibatannya pada tiga bidang utama global dalam komuniti yang kita yakin boleh memberikan impak terbesar:

## ■ Pendidikan

Meningkatkan kualiti dan penyelarasan sistem pendidikan untuk memastikan pelajar hari ini bersedia untuk menyertai tenaga kerja pada masa hadapan.

## ■ Persekutaran

Memastikan semua yang kita lakukan menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat.

## ■ Keadilan Sosial/Persamaan Peluang

Meningkatkan peluang dan kesaksamaan untuk orang yang paling memerlukan.



Cummins menerima markah sempurna untuk tahun ke-13 berturut-turut dalam Indeks Kesamaan Korporat 2018 yang dianugerahkan oleh Kempen Hak Asasi Manusia. Kumpulan ini merupakan organisasi hak sivil terbesar di A.S untuk pekerja lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).



Cummins telah dinamakan sebagai salah sebuah daripada 50 Syarikat Teratas untuk Kepelbagaian oleh majalah DiversityInc bagi tempoh 11 tahun berturut-turut pada tahun 2017. Cummins menduduki tempat ke-21 dalam senarai majalah.

Dasar Tersirat Penting

Dasar Setiap Pekerja Setiap Komuniti: CORP-22-01-00-00

Dasar Penyertaan Pekerja dalam Kempen Politik: CORP-00-06-01-00

Dasar Sumbangan Politik Cummins Inc. dan Garis Panduan Jawatankuasa Tindakan Politik: CORP-00-06-00-00



Kolej Kejuruteraan Cummins untuk Wanita di India berkhidmat untuk demografi yang kurang diwakili dalam bidang kejuruteraan.

**S** Bagaimanakah saya boleh melibatkan diri dalam aktiviti komuniti di Cummins?

**J** Kebanyakan lokasi Cummins mempunyai Pasukan Penglibatan Komuniti (CIT) yang menyelaraskan aktiviti sukarelawan dan komuniti. Hubungi fungsi Tanggungjawab Korporat untuk pemimpin CIT di kawasan anda.

**S** Apakah jenis aktiviti yang dijalankan oleh Pasukan Penglibatan Komuniti?

**J** Cummins melibatkan diri dalam tiga bidang utama: pendidikan, persekitaran dan keadilan sosial/persamaan peluang. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pekerja telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti penglibatan komuniti dalam bidang-bidang utama ini: membimbing pelajar, mengurangkan sisa tenaga dan kos untuk rakan kongsi komuniti, mengajar kemahiran komputer untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan mewujudkan ruang bermain untuk kanak-kanak di rumah tunawisma.

**S** Berapakah jumlah jam pada masa syarikat yang boleh saya gunakan untuk aktiviti penglibatan komuniti?

**J** Program Setiap Pekerja Setiap Komuniti Cummins (EEEC) menggalakkan keterlibatan pekerja dengan memastikan setiap pekerja mempunyai peluang untuk melakukan sekurang-kurangnya empat jam kerja sukarelawan pada masa Syarikat bagi setiap tahun kalender dalam aktiviti yang ditentukan EEEC.

# Kita akan berkomunikasi secara jujur dan berintegriti.

Cummins mempunyai tanggungjawab untuk bersifat jujur dan tepat dalam komunikasi kita kepada pekerja dan orang awam. Tiada pekerja yang harus membuat pernyataan palsu atau mengelirukan kepada media, komuniti kewangan, pegawai kerajaan, agensi awam atau dalam forum awam dengan sengaja.

Kita akan menyebarkan aliran maklumat yang terkini merentasi organisasi dan mencipta penghantaran maklumat yang konsisten oleh individu yang bersesuaian dalam organisasi. Hanya individu yang dibenarkan boleh bercakap kepada media atau komuniti kewangan, atau bertindak bagi pihak Syarikat di media sosial.

Pertanyaan media dan pertanyaan sensitif pelanggan harus diajukan kepada pemimpin dalam Komunikasi Korporat. Pekerja tidak harus bercakap kepada media mengenai isu yang berkaitan dengan syarikat tanpa kelulusan daripada pemimpin terlebih dahulu.

Cummins mempunyai kewajipan undang-undang untuk mendedahkan maklumat kewangan penting dengan cara yang meluas dan saksama sejauh yang mungkin. Pertanyaan daripada penganalisis pasaran saham, pelabur atau ahli komuniti kewangan lain harus dimajukan kepada Naib Presiden – Operasi Kewangan.



**Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Tom Linebarger, mengadakan mesyuarat dewan bandaran kepelbagaian tahunannya di Loji Enjin Columbus di Columbus, Indiana (A.S.).**

**S** Apakah yang harus saya lakukan jika ahli media menghubungi dan ingin mewawancara saya?

**J** Sebelum menjawab apa-apa soalan, bincang dengan pemimpin dalam Komunikasi Korporat dahulu. Terdapat banyak topik sensitif, termasuk tetapi tidak terhad kepada topik yang berkaitan dengan prestasi kewangan Syarikat. Dalam keadaan ini, Cummins mahu memastikan kita menyampaikan maklumat yang betul dan tepat.

Syarikat mempunyai peraturan tentang maklumat kewangan yang boleh diumumkan kepada orang awam dan cara maklumat tersebut harus dibincangkan. Naib Presiden - Operasi Kewangan juga harus dimaklumkan apabila media bertanya tentang prestasi kewangan Syarikat.

**S** Sebagai sebahagian daripada peranan saya di Cummins, saya seorang ahli persatuan perdagangan industri. Saya telah diminta untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang aktiviti dan aliran perniagaan Cummins. Adakah saya boleh berkongsi maklumat ini?

**J** Apabila anda diminta untuk membuat pembentangan tentang Syarikat dan aktiviti perniagaannya kepada khalayak luaran, anda harus menghubungi penyelia anda dan Komunikasi Korporat. Pembentangan anda mungkin perlu disemak terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penyemakan Pendedahan Cummins.

**S** Saya menemui beberapa maklumat yang tidak tepat tentang ramalan pendapatan Cummins di media sosial. Bolehkah saya memberitahu orang lain bahawa siaran itu salah?

**J** Tidak. Anda harus memaklumkan seseorang dalam sama ada Komunikasi Korporat atau Hubungan Pelabur dengan serta-merta tentang siaran yang tidak tepat itu. Apabila anda mula menyiar atau menghantar tweet mengenai perniagaan Syarikat, anda telah bertindak sebagai jurucakap yang tidak diizinkan untuk Syarikat. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Dasar Komunikasi Elektronik dan Media Sosial.

# Kita akan mewujudkan budaya yang semua pekerja akan bertanggungjawab untuk mengamalkan tingkah laku yang beretika.

Budaya kita menggalakkan pekerja untuk bertanggungjawab terhadap kelakuan beretika dan bersuara jika mereka mempunyai kebimbangan. Cummins mempunyai dasar tiada tindakan balas yang melindungi pekerja yang menyuarakan kebimbangan secara jujur. Sekiranya anda menemui apa-apa kelakuan yang anda yakin adalah tidak beretika atau tidak wajar, anda mempunyai kewajipan untuk bersuara. Kebimbangan boleh disuarakan dalam beberapa cara:

- Pekerja boleh menyuarakan isu kepada penyelia mereka.
- Pekerja boleh berbicara dengan seseorang di Sumber Manusia.
- Pekerja boleh melaporkan kebimbangan sama ada dalam talian atau melalui telefon. Sila taipkan [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com) di pelayar Web anda untuk mencari nombor telefon bagi rantau anda atau membuat laporan dalam talian.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang cara mematuhi Tatakelakuan Perniagaan kita, anda juga boleh menghubungi Fungsi Etika dan Pematuhan Cummins untuk mendapatkan bantuan. Hanya hantarkan e-mel kepada [ethicsandcompliance@cummins.com](mailto:ethicsandcompliance@cummins.com) dan anda akan dihubungi oleh wakil yang bersesuaian.

## DASAR TIADA TINDAKAN BALAS

**Jika anda menemui pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan, laporkannya. Cummins tidak bertolak ansur dengan tindakan balas. Tiada tindakan akan diambil terhadap anda kerana anda melaporkan kebimbangan dengan jujur.**

**S** Seorang pekerja yang melapor kepada saya telah memberi saya maklumat tentang kelakuan seorang rakan sekerja yang dengan jelasnya telah melanggar Tatakelakuan dan dasar Syarikat jika hal yang dilaporkan beliau adalah benar. Walau bagaimanapun, pekerja itu telah meminta saya untuk merahsiakannya buat masa ini. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Anda perlu mengambil tindakan untuk memastikan isu ini disiasat dan ditangani. Syarikat, melalui anda, kini menyedari tentang kelakuan ini dan bertanggungjawab untuk menanganinya. Jika anda memerlukan bantuan, hubungi penyelia anda, Sumber Manusia atau log aduan dengan Talian Bantuan Etika di [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com)

**S** Saya tidak pasti sama ada jabatan saya memahami Tatakelakuan Perniagaan. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Hubungi penyelia anda atau pemimpin Sumber Manusia dan minta maklumat lanjut. Syarikat boleh menyediakan latihan atau sokongan tambahan untuk memastikan semua pekerja memahami Tatakelakuan dan tanggungjawab mereka untuk mematuhi.

## Peranan pemimpin

Pegawai, pengarah dan pengurus mempunyai tanggungjawab khas untuk mengamalkan kelakuan seperti yang digariskan oleh Tatakelakuan Perniagaan dan memastikannya dikuatkuasakan. Jika anda menemui tindakan yang mungkin melanggar Tatakelakuan — walaupun ia tidak melibatkan anda dalam apa-apa jua cara — anda dikehendaki untuk mengetengahkan untuk perhatian Syarikat dan memastikan isu ditangani.

**S** Penyelia saya melayan saya secara tidak adil tetapi pangkat beliau lebih tinggi daripada saya. Saya bimbang akan akibat yang akan dihadapi jika saya melaporkan tindakannya kepada orang lain. Adakah Cummins akan melindungi saya?

**J** Ya. Cummins melindungi semua pekerja yang menyuarakan keimbangan dengan jujur. Kita melarang semua tindakan balas dan tidak akan membenarkan mana-mana pekerja dihukum kerana melaporkan keimbangan. Cummins akan menyiasat keimbangan anda dengan berhati-hati dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## Di manakah saya boleh menemui Dasar yang dirujuk dalam Tatakelakuan

### Perniagaan?

Bagi dasar korporat yang dirujuk dalam Tatakelakuan Perniagaan, pergi ke halaman Etika dan Pematuhan di Cummins Connect dan klik pada butang untuk *Dasar Pematuhan*.

# Mengamalkan Tatakelakuan

Setiap daripada kita mempunyai peranan untuk mengamalkan Tatakelakuan Perniagaan dan menguatkuaskan peraturan dan prinsipnya. Prinsip ini bertujuan untuk membimbing layanan pekerja kita terhadap satu sama lain serta interaksi mereka dengan pelanggan, pembekal, rakan kongsi, pegawai awam dan pemegang saham lain.

Untuk memastikan Tatakelakuan menjadi lebih berkesan, para pekerja mesti faham bahawa pelanggaran akan mempunyai akibatnya – sehingga dan termasuk pemberhentian pekerjaan. Pada masa yang sama, pekerja mesti yakin bahawa mereka boleh melaporkan pelanggaran Tatakelakuan tanpa perasaan takut akan tindakan balas dan keimbangan mereka akan disiasat dengan sepenuhnya secepat mungkin.

**Perkara ini perlu sentiasa ditegaskan:**  
**Cummins mempunyai dasar tertentu untuk melindungi kakitangan terhadap tindakan balas kerana melaporkan pelanggaran Tatakelakuan yang dicurigai.**  
**Pekerja juga mempunyai pelbagai cara untuk melaporkan keimbangan mereka, termasuklah, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pelaporan tanpa nama (lihat Sumber dan Maklumat Hubungan di halaman 28 untuk butiran tentang pelanggaran etika dan pilihan pelaporan).**

Prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan telah diluluskan oleh kepimpinan kanan kita dan Lembaga Pengarah Syarikat. Kita akan mendapatkan maklum balas daripada pekerja sebagai sebahagian daripada semakan berterusan yang akan digunakan untuk mengemas kini Tatakelakuan sebagaimana yang diperlukan. Selain itu, kebanyakan pekerja bergaji perlu melengkapkan pensijilan etika tahunan untuk mengesahkan bahawa mereka telah faham dengan Tatakelakuan dan telah mematuhi sepenuhnya.

## **Apakah yang dikehendaki**

### **daripada saya?**

- **Mengetahui dan memahami**  
dasar Cummins dan peraturan yang berkenaan dengan tugas anda.
- **Melengkapkan kursus latihan pematuhan yang wajib**  
dengan cepat apabila ditugaskan.
- **Melaporkan kemungkinan**  
pelanggaran mana-mana dasar, undang-undang atau peraturan.
- **Memberikan kerjasama sepenuhnya**  
dalam apa-apa siasatan atau audit dalaman atau luaran dan melindungi kerahsiaan siasatan atau audit.
- **Melengkapkan Pensijilan Etika** apabila diperlukan.

# Soalan Lazim

- S** Bagaimanakah saya boleh mendapatkan salinan terkini Tatakelakuan Perniagaan?
- J** Tatakelakuan sentiasa disemak dan dikemas kini. Untuk mendapatkan versi terkini, pergi ke halaman Etika dan Pematuhan di Cummins Connect dan klik pada butang untuk *Tatakelakuan Perniagaan*. Anda akan menemui salinan Tatakelakuan yang telah diterjemahkan kepada berbilang bahasa.
- S** Apakah yang akan terjadi apabila pekerja melaporkan bahawa layanan yang diterimanya melanggari dasar Cummins?
- J** Cummins mempunyai sepasukan Penyiasat Pakar yang bertindak balas terhadap laporan mengenai pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan dan memastikan tindakan yang sewajarnya diambil secepat mungkin. Cummins mempunyai Penyiasat Pakar di kebanyakan rantau di seluruh dunia. Pemimpin kanan Cummins memantau pelanggaran yang dilaporkan dengan ketat dan meluluskan tindakan pembetulan.
- S** Bagaimanakah saya menghubungi Talian Bantuan Etika?
- J** Pergi ke pelayar Internet anda dan taipkan [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com). Di sana, anda akan menemui senarai nombor telefon bebas tol bagi negara di seluruh dunia yang anda boleh hubungi untuk melaporkan kebimbangan anda. Anda juga boleh membuat laporan dalam talian melalui laman web dari mana-mana sahaja di dunia. Di kebanyakan negara, anda boleh membuat laporan tanpa memberitahu nama anda.
- S** Bagaimanakah saya tahu jika Tatakelakuan Perniagaan terpakai kepada saya?
- J** Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan pengarah Cummins Inc. Tatakelakuan ini juga terpakai kepada semua entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh Cummins dan semua entiti yang diuruskan oleh Cummins secara langsung. Syarikat juga merupakan pemilik separa sesetengah usaha sama dan pengedar. Bagi entiti ini, Tatakelakuan mungkin tidak terpakai. Walau bagaimanapun, syarikat ini bertanggungjawab untuk mencipta satu set dasar dan prosedur yang memastikan mereka mematuhi undang-undang dan nilai yang sama dengan Cummins.

## JIKA RAGU-RAGU, MINTA BANTUAN

**Anda mungkin mempunyai persoalan etika tanpa jawapan yang jelas. Jangan biarkan persoalan itu menjadi krisis. Anda boleh mendapatkan bantuan daripada beberapa sumber. Fungsi Etika dan Pematuhan tersedia dengan menghantar e-mel kepada [ethicsandcompliance@cummins.com](mailto:ethicsandcompliance@cummins.com). Fungsi Perundangan Cummins tersedia dengan menghantar e-mel kepada [legal.function@cummins.com](mailto:legal.function@cummins.com). Anda juga boleh mendapatkan bantuan dengan menaip [ethics.cummins.com](http://ethics.cummins.com) di pelayar web anda untuk maklumat mengenai cara untuk mencapai Talian Bantuan Etika.**

# Sumber dan Maklumat Hubungan

## Jabatan Etika dan Pematuhan

Cummins mempunyai Fungsi Etika dan Pematuhan untuk membantu syarikat memantau pematuhan Tatakelakuan Perniagaan. Anda boleh menghantar e-mel kepada [ethicsandcompliance@cummins.com](mailto:ethicsandcompliance@cummins.com) untuk berhubung dengan Fungsi tersebut.

**Mark Sifferlen**, Naib Presiden – Etika dan Pematuhan A.S.  
317-610-2461  
[mark.sifferlen@cummins.com](mailto:mark.sifferlen@cummins.com)

## Fungsi Perundangan

Terdapat beberapa cara untuk mengakses Fungsi Undang-undang. Anda boleh pergi ke halaman Perundangan Korporat di Cummins Connect dan anda boleh mendapatkan biodata peguam serta maklumat hubungan bagi pekerja Fungsi Perundangan. Jika anda tidak tahu peguam yang harus dihubungi, hantarkan e-mel kepada *legal.function@cummins.com* dengan pertanyaan anda dan anda akan dihubungi oleh peguam yang bersesuaian.

Atau anda boleh menghubungi:

**Sharon Barner**, Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang A.S. 317-610-4173  
[sharon.barner@cummins.com](mailto:sharon.barner@cummins.com)

## Sumber Manusia

Untuk pertanyaan Sumber Manusia, sila hubungi pemimpin Sumber Manusia tempatan anda. Jika anda tidak dapat menghubungi pemimpin tempatan anda, anda boleh menghubungi:

**Jill Cook**, Naib Presiden – Ketua Pegawai Sumber Manusia  
A.S. 812-377-8442  
[jill.e.cook@cummins.com](mailto:jill.e.cook@cummins.com)

**Mark Osowick**, Naib Presiden – Operasi Sumber Manusia  
A.S. 812-377-9708  
[mark.j.osowick@cummins.com](mailto:mark.j.osowick@cummins.com)

## Kepelbagai Global dan Persekutaran Hak

**Kelley Creveling**, Pengarah Eksekutif – Kepelbagai Global dan Persekutaran Hak  
A.S. 812-377-1607  
[kelley.creveling@cummins.com](mailto:kelley.creveling@cummins.com)

**Kevin G. Graham**, Pengarah – Penyiasatan Etika Global  
A.S. 812-377-5111  
[kevin.c.graham@cummins.com](mailto:kevin.c.graham@cummins.com)

## Komunikasi Korporat

**Carole Casto**, Naib Presiden - Pemasaran dan Komunikasi  
A.S. 317-610-2480  
[carole.casto@cummins.com](mailto:carole.casto@cummins.com)

**Jon Mills**, Pengarah – Komunikasi Luaran  
A.S. 317-610-4244  
[jon.mills@cummins.com](mailto:jon.mills@cummins.com)

## Audit Dalaman

**Kurt Kuhn**, Pengarah Eksekutif – Audit Dalaman  
U.S. 812-377-8080  
[kurt.kuhn@cummins.com](mailto:kurt.kuhn@cummins.com)

## Hubungan Pelabur

**Mark A. Smith**, Naib Presiden – Operasi Kewangan  
A.S. 812-377-1284  
[mark.a.smith@cummins.com](mailto:mark.a.smith@cummins.com)

## Keselamatan Global

**Brad Manns**, Pengarah Eksekutif – Perkhidmatan Bersepadu Global  
A.S. 812-377-1982  
[brad.manns@cummins.com](mailto:brad.manns@cummins.com)

## Persekutaran

**Brian Mormino**, Pengarah Eksekutif – Strategi & Pematuhan Persekutaran Seluruh Dunia  
A.S. 812-377-0512  
[brian.c.mormino@cummins.com](mailto:brian.c.mormino@cummins.com)

## Dasar Korporat

Untuk dasar korporat yang dinyatakan dalam Tatakelakuan Perniagaan, pergi ke halaman Etika dan Pematuhan di Cummins Connect dan klik pada butang untuk *Dasar Pematuhan*.



**Cummins Inc.**  
Box 3005  
Columbus, IN 47202-3005  
U.S.A.

[cummins.com](http://cummins.com)

©2018 Cummins Inc.